

# PERNYATAAN

## POLISI INTEGRITI DAN ANTI RASUAH



Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) mensasarkan sifar toleransi terhadap rasuah (**zero tolerance towards corruption**) di dalam penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan kepada masyarakat. Bagi merealisasikan polisi ini, JBPM memberikan penekanan kepada enam (6) kerangka berikut:

**1** Memastikan semua warga Jabatan memahami dan mematuhi undang-undang, peraturan, pekeliling atau arahan berkaitan integriti dan akauntabiliti yang berkuat kuasa termasuklah Akta SPRM 2009.

Menerapkan elemen anti rasuah dalam penggubalan polisi Jabatan bagi meningkatkan kawalan dalaman terhadap kelemahan tadbir urus.

**3** Menambahbaik sistem dan prosedur kerja bagi mengelakkan dan mencegah risiko atau potensi rasuah, amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta jawatan.

Unit Integriti melaksanakan tugas dan tanggungjawab berdasarkan bidang kuasa dan bebas dari sebarang pengaruh.

**5** Membudayakan integriti dan akauntabiliti dalam pengurusan penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamatan.

Mengambil tindakan punitif terhadap pelanggaran tata kelakuan dan melaksanakan usaha pemulihan secara berterusan.

DATO' Ts. NOR HISHAM BIN MOHAMMAD  
Ketua Pengarah  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
Tarikh: 8/11/2024

JBPM sentiasa komited untuk menambahbaik keperluan-keperluan di bawah Polisi Anti Rasuah dan Akta SPRM 2009. Pelanggaran kepada polisi ini boleh membawa kepada tindakan tatatertib kepada mereka yang terlibat.